


# Cerita kemandirian burung enggang



DR. AHMAD ISMAIL menunjukkan sarang burung enggang.

**ralat & rareat**



Bersama DR. AHMAD ISMAIL

Siri 43

**B**URUNG enggang dilaporkan berpindah antara hutan-hutan simpan untuk pembiakan dan mendapatkan makanan.

Kehadiran burung enggang di satu tempat adalah suatu fenomena yang unik dan menjadi tarikan peminat burung dunia. Di Malaysia, Hutan Simpan Belum-Temenggor di Perak serta Hutan Simpan Ulu Muda di Kedah, dan Taman Negara Bang Lang/Hala-Bala di Thailand merupakan satu kombinasi unik untuk peminat

burung enggang.

Setakat ini, belum lagi ada satu kajian yang lengkap tentang burung enggang di kawasan tersebut. Kajian segera perlu diadakan bagi memberi maklumat lengkap agar mudah bagi peminat memerhati dan merakam gambar burung, sekali gus meningkatkan aktiviti ekopelancongan serta program perlindungan dan pemuliharaan habitat mereka.

Bagi menjayakan program perlindungan dan pemuliharaan habitat burung enggang, satu kerjasama antara Malaysia dan Thailand perlu diadakan segera.

Aktiviti pendidikan dan kesedaran tentang burung enggang di ketiga-tiga wilayah ini sangat penting. Malah, yang lebih penting adalah kerjasama penyelidikan bagi mendapatkan maklumat lengkap tentang biologi, ekologi dan tingkah laku burung enggang.

Perlindungan burung enggang ini gagal sekiranya habitat mereka

## SEPULUH SPESIES BURUNG ENGGANG YANG DILIHAT

Nama	Nama Inggeris	Nama saintifik
Enggang buluh/kawan	Bushy-crested hornbill	Anorrhinus galeritus
Enggang gunung	Wreathed hornbill	Aceros undulates
Enggang kelingking	Oriental Pied hornbill	Anthracoceros albirostris
Enggang papan	Great hornbill	Buceros bicornis
Enggang kekek	Black hornbill	Anthracoceros malayanus
Enggang nadak	Rhinoceros hornbill	Buceros rhinoceros
Enggang tebang mentua	Helmeted hornbill	Rhinoplax vigil
Enggang berkedut	Wrinkled hornbill	Aceros corrugatus
Enggang bulu	White-crowned hornbill	Berenicornis comatus
Enggang hutan	Plain-pouched hornbill	Aceros subruficollis.

diganggu dan aktiviti perburuan haram terus berlaku.

Penglibatan masyarakat dan penguat kuasa sangat diperlukan dalam kawalan burung-burung tersebut. Bagi memastikan kemandirian burung enggang di habitat mereka, tiga perkara penting diperlukan burung enggang iaitu pemakanan, pembiakan dan pohon yang

tinggi dalam habitat mereka. Pohon tinggi perlu untuk mereka terbang dan tempat bersarang yang tidak mudah diganggu pemangsa.

Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) menjalankan kajian tentang biologi, ekologi dan tingkah laku burung enggang di Hutan Belum-Temenggor.

Setakat ini, laporan asas yang ada adalah dari segi bilangan spesies burung enggang, aktiviti bersarang dan pilihan makanan utama burung enggang di kawasan Belum-Temenggor.

Tiga spesies burung enggang iaitu enggang kelingking, enggang buluh dan enggang badak dilihat bersarang di pokok-pokok tinggi dan besar melebihi 250 sentimeter (cm) garis pusat paras dada (BDH) seperti pokok kempas, tualang, merbau, merawan, meranti, mengundur dan mentalun.

Sementara itu, makanan utama semasa musim membiak atau luar musim membiak adalah kumpulan buah-buahan ara daripada spesies pokok ara gajah, ara sunda, ara kubung atau ara bungkus dan pokok bayas dan buah palma daripada pokok bayas dan serdang.

Haiwan seperti lipan, belalang ular dan katak juga antara

makanan burung enggang.

Sebagai haiwan frugivor (*frugivorous*), burung enggang terkenal memainkan peranan penting dalam penyebaran biji benih dan dalam genetik populasi buah-buahan. Bayangkan seekor burung menyebarkan biji benih sehari, kalau seribu ekor burung menyebarkan 1,000 biji benih sehari dalam sesuatu kawasan atau mungkin membawa jauh beratus-ratus kilometer.

Sebagai sebuah negara megabiodiversiti dunia, peranan burung enggang adalah sangat signifikan dalam kepelbagaian biologi tempatan.

Secara amnya ancaman utama ke atas burung enggang adalah gangguan habitat, kehilangan habitat, perburuan dan pemencilan hutan. Kurangnya pokok-pokok tinggi juga mengganggu populasi mereka.

Burung enggang memerlukan pokok besar dan tinggi yang sangat terancam oleh aktiviti pembalakan.

Pemencilan hutan memberikan tekanan kepada tempat membuat sarang, mendedahkan mereka kepada pemburuan, terdedah kepada pemangsa dan sukar mendapatkan makanan.

Kesesuaian tempat bersarang

berbeza-beza antara spesies burung enggang. Kadang-kadang ada spesies yang bersaing antara mereka dalam mendapatkan sarang yang sesuai. Mengikut undang-undang Malaysia semua jenis burung enggang adalah dilindungi sepenuhnya.

MNS telah membangunkan projek khas tentang burung enggang di kawasan penting burung (IBA) di Hutan Simpan Belum-Temenggor sejak 2003 yang memfokuskan kepada pemakanan, tempat bersarang, corak perpindahan burung enggang terutamanya populasi Enggang hutan.

Antara keunikan burung enggang ialah burung enggang betina berada di dalam sarang yang dibuat pada lobang pokok tinggi dan lubang itu ditutup sehingga tinggal lubang kecil cukup untuk mendapatkan makanan dan mengeluarkan najis.

Haiwan jantan akan membawa makanan sepanjang tempoh mengeram.

Burung enggang mengeram antara 110 hingga 140 hari.

Lubang pada sarang selalu diperbaiki dari semasa ke semasa bagi memastikan keadaan selamat daripada gangguan pemangsa.



PROGRAM konservasi burung enggang yang pernah dianjurkan di Sabak Bernam, Selangor.

## MNS bantu pulihara burung enggang

**B**URUNG enggang kelingking adalah antara burung enggang yang tersebar luas di Semenanjung Tanah Melayu dan mudah beradaptasi dengan habitat manusia. Populasi burung ini di Parit 13 Sungai Panjang, Sabak Bernam adalah satu contoh yang baik. Kesedaran tinggi masyarakat memberi peluang kepada burung ini terus membiak dan berperanan dalam ekologi. Program penglibatan masyarakat untuk mengurangkan konflik antara burung enggang ini dan manusia perlu digalakkan.

Lebih banyak pokok buah-buahan perlu ditanam di kawasan yang burung dan manusia berkongsi habitat.

Jabatan Pertanian misalnya perlu membantu penduduk dengan memberikan bantuan menggalakkan menanam pokok kegemaran burung enggang kelingking, di samping memulihara hutan paya gambut berdekatan agar ekosistemnya stabil seperti mengawal paras air di ekosistem hutan berkenaan.

Dalam hal ini, mungkin semua jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, agensi pelancongan serta majlis daerah terlibat perlu bekerjasama bagi menjayakan pemuliharaan burung enggang di Parit Panjang, Sabak Bernam ini.

Kajian yang dilaporkan dalam *Malayan Nature Journal 2015* dan *Acta Biologica Malaysiana 2015* menunjukkan burung enggang kelingking mudah beradaptasi dengan habitat manusia dan bersarang di atas tanah di dalam tempayan. Secara lazimnya burung enggang bersarang di dalam lubang di atas pokok yang tinggi dan jauh daripada gangguan manusia. Penebangan hutan untuk pertanian seperti kelapa sawit dan sawah padi serta untuk penempatan manusia, menyebabkan burung ini beradaptasi dengan habitat manusia.

Tempayan yang tidak digunakan oleh manusia dijadikan sarang untuk bertelur dan mengeram. Sepanjang lima tahun pemerhatian, paling kurang tujuh pasang burung menetas dalam sarang tempayan di atas tanah. Kejayaan pembiakan

\*Setakat ini, laporan menunjukkan 52 spesies enggang terdapat di dunia.

\*Sebanyak 32 spesies terdapat di Asia dan 25 spesies di Afrika.

\*Enggang merupakan satu spesies burung yang unik

\*Mempunyai paruh yang besar dan panjang seperti tanduk dan ada spesies yang mempunyai kask (*casque*) di bahagian atas mandible.

\*Mudah dikenali di lapangan kerana bentuk paruhnya.

\*Tahukah kita yang di Malaysia mempunyai 10 spesies burung enggang dan kesemuanya boleh dilihat di Semenanjung Tanah Melayu.

\*Kepulauan Borneo setakat ini hanya terdapat lapan spesies sahaja yang direkodkan.

burung ini adalah hasil kerjasama erat penduduk melalui program pendidikan dan kesedaran yang dilakukan berterusan kepada penduduk tempatan dan sokongan Perhilitan.

Sebelum kempen pemuliharaan burung ini dijalankan oleh Jabatan Biologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), ia diburu untuk pelbagai kegunaan termasuk paruhnya dan kerana gangguan ke atas buah-buahan.

Masalah besar yang mengganggu kelangsungan populasi burung enggang kelingking di Parit Panjang ini adalah gangguan manusia dan kera.



ENGGANG kelingking bersarang di dalam tempayan.